

Kuasa veto lima anggota tetap PBB tidak demokratik

New York: Kuasa veto lima anggota tetap Majelis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah tidak demokratik dan hanya menjurus kepada lebih banyak konflik, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kuasa veto yang diberikan kepada Amerika Syarikat, Russia, China, Britain dan Perancis ketika PBB ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua, bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia.

"Ia memastikan bahawa penyelesaian kepada semua konflik boleh ditolak oleh satu daripada negara terbabit. Perpecahan kepada pelbagai ideologi menjejaskan semua cubaan untuk menyelesaikan masalah.

"Setiap daripada mereka boleh menafikan hasrat hampir 200 ahli lain. Ia sama sekali dan semestinya tidak demokratik.

Berapa lama harus kita biarkan kumpulan ini memegang tampuk? Sampai bila? Selamanya? Jangka waktu yang tidak pernah diusulkan ini seolah-olah akan kekal selama-lamanya," katanya berucap pada Perbahasan Umum Se-

"Setiap daripada mereka boleh menafikan hasrat hampir 200 ahli lain. Ia sama sekali dan semestinya tidak demokratik.

*Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri*

si Ke-74 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, kuasa veto menghapuskan tujuan asal PBB yang mereka wujudkan dan memastikan bahawa semua penyelesaian terhadap semua konflik boleh dinafikan, sekali gus menggagalkan semua usaha untuk menyelesaikan masalah.

"Kita mesti mengembalikan kepada tujuan asal organisasi yang hebat ini - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kita mesti menghukum negara yang mencestuskan perang dan perlu menjadikan dunia aman untuk semua," katanya.

Perdana Menteri berkata, kuasa veto juga mencetuskan perbalahan antara negara berkenaan apabila mereka bergantung kepada kekuatan tentera masing-masing bagi mencabar sebarang percubaan mengambil alih kuasa.

Beliau berkata, struktur kuasa veto bukan saja menyebabkan PBB tidak mampu menangani risiko peperangan antara negara anggota, tetapi juga menjadi penggalak peperangan antara negara.

"Benar, negara Eropah yang suka berperang ini tidak pernah berperang sesama mereka sejak dua pertiga abad lalu. Tetapi di tempat lain ada bukti negara Eropah mencetus peperangan, menyalurkan senjata serta dana dan melanjutkan peperangan. Nampaknya ia baik untuk perniagaan, untuk penjualan senjata," katanya.

*Hapuskan kuasa veto
5 negara PBB. Muka Sepuluh*